

LATAR BELAKANG

“Khairat” dalam bahasa Arab ditakrifkan sebagai kebajikan atau kebaikan.

Sehubungan itu bagi menjaga kebajikan seluruh staf UiTM dan keluarga mereka, mesyuarat Pengurusan Dalaman yang ke 162 pada 5 Jun 1997 telah meluluskan penubuhan Skim Khairat Kematian Staf UiTM.

TUJUAN

Penubuhan skim ini bagi membolehkan sesama warga UiTM saling bantu membantu di antara satu sama lain dalam menghadapi sesuatu kematian.

Sumbangan yang diberi adalah khusus untuk membantu meringankan beban yang ditanggung oleh waris/keluarga yang ditinggalkan apabila seseorang staf UiTM yang menyumbang kepada skim ini meninggal dunia.

PENYUMBANG



Terbuka kepada semua staf yang sedang berkhidmat tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama. Untuk menyertai skim ini, sila isi borang persetujuan dan majukan kepada alamat yang tercatat.



JUMLAH SUMBANGAN

Potongan gaji sebanyak RM2.00 akan dilakukan apabila berlaku kematian dikalangan staf yang menyertai skim ini.

SUMBANGAN KEMATIAN

Apabila staf UiTM yang menyumbang ke dalam skim ini meninggal dunia, waris/keluarga akan menerima kesemua sumbangan yang dikumpulkan melalui potongan gaji yang dilakukan.

Sumbangan itu jumlahnya tidak tetap, iaitu bergantung kepada bilangan staf yang menyertai skim ini. Sumbangan tersebut akan diserahkan kepada waris yang berkenaan pada hari kematian.

Staf yang tidak menyertai skim ini, waris/keluarga yang ditinggalkan tidak akan menerima sebarang sumbangan daripada skim ini.



KETERANGAN LANJUT

Untuk mendapatkan penjelasan lanjut, sila hubungi Pn. Paridah Mohd Zan/En. Mohd Slim Zakaria/En. Ramlan Jaafar sambungan 3054 dan 3059. Penyertaan boleh dibuat secara ‘on line’ atau dengan mengisi borang penyertaan dan dihantar kepada:

Bahagian Saraan & Ganjaran
Pejabat Pendaftar
UiTM, Shah alam
(U.P Puan Paridah Mohd. Zan)



BORANG PERSETUJUAN MENYERTAI POTONGAN SKIM KHAIRAT KEMATIAN STAF UiTM

Saya

No. K/P

No. Pekerja dan Bahagian/Fakulti/

Pusat/Unit/Cawangan

.....

bersetuju memotong gaji sebanyak RM2.00 apabila

berlaku kematian dikalangan staf UiTM yang

meyumbang kepada skim ini, berkuatkuasa mulai

.....

Tandatangan: _____

Tarikh: _____